

# Semangat kesukanan harus dikekalkan

PENCAR

**P**ESTA silat anjuran persekutuan Silat Singapura (Persisi) sempena sambutan pesta sukan telah pun berakhir Ahad lalu.

Pesta kali ini malangnya mengandungi satu insiden yang kurang enak apabila kumpulan Gayong Pasak memulaukan majlis penyampaian hadiah.

Punca pemuluan itu adalah kerana peserta Alhak, Encik Azrin, didapati telah beberapa kali membuat pukulan yang tidak dibenarkan ke atas lawannya dari kumpulan Gayong Pasak, Encik Mohamed Sohairi.

Akibatnya, Sohairi telah mengalami kecederaan di bahagian muka.

Dalam perlawanan itu, Azrin telah diisytiharkan sebagai pemenang.

Ada dua perkara utama yang perlu diambil perhatian. Keduanya menyentuh tentang semangat kesukanan yang harus ada dalam diri setiap peserta dan kumpulan.

Pertama, setiap peserta harus mematuhi undang-undang pertandingan. Mereka tidak harus melanggar adat perlawanan yang memang telah sedia tertulis.

**29 AUG 1985**  
**Penuhi-Matlamat**

**Kedua**, walau apa pun yang terjadi, kumpulan yang mengambil bahagian haruslah bersikap *gentleman*, iaitu turut serta dari mula hingga akhir.

Berhubung dengan perkara pertama, **Nadi Belia** rasakan bahawa semua peserta harus mematuhi undang-undang pertandingan. Oleh kerana pertandingan itu semata-mata bertujuan untuk meningkatkan semangat kesukanan di kalangan belia, mereka harus cuba memenuhi matlamat itu.

Tidak ada gunanya mengadakan sesuatu pertandingan jika ia hanya mengakibatkan permusuhan.

Para peserta harus menganggap bahawa pertandingan itu tidak lain hanya untuk mengukur tahap jasmani dan ketangkasan silat mereka, tidak lebih daripada itu.

Lantaran itu, mereka tidak perlu memukul lawan sehingga parah dan mengakibatkan permusuhan.

Berhubung dengan perkara kedua pula, **Nadi Belia** pasti setiap pertandingan mempunyai jawatankuasa penganjur, dan mungkin juga ada jawatankuasa disiplin.

Walaupun apa pun yang berlaku, mereka harus bersabar. Mereka tidak perlu memulaukan majlis yang terkandung dalam rancangan pertandingan.

Jika mereka tidak berpuas hati dengan sesuatu yang berkaitan dengan pertandingan itu, mereka boleh membawanya ke tengah. Ia pasti diberikan perhatian oleh pihak penganjur.

Tindakan yang tergesa-gesa bukan sahaja memburukkan nama kumpulan dan merumitkan masalah, malah mereka sendiri mungkin menghadapi tindakan disiplin.

Akibatnya, pertandingan yang seharusnya memupuk semangat kesukanan bertukar menjadi sebaliknya. Permusuhan pula yang timbul.

**Nadi Belia** harap semua kumpulan yang terlibat akan dapat menimbang perkara itu agar ia tidak berulang lagi.

Semoga luka yang terpuris segera dapat disembuhkan dan semoga pertandingan tahun depan kembali berseri seperti tahun-tahun sebelumnya.